

Remaja tunggang motosikal curi ditahan

S.H 14/07/08 M/S 14

KUALA LUMPUR - Cubaan seorang remaja lelaki yang meninggalkan motosikalnya sebelum cuba lari menyelamatkan diri daripada ditahan polis dalam sekatan jalan raya yang diadakan di sekitar Dataran Merdeka awal pagi semalam gagal apabila polis berjaya menahannya setelah mengejar sejauh 50 meter.

Remaja berusia 19 tahun itu memberi alasan melarikan diri kerana motosikalnya tidak mempunyai cukai jalan serta bimbang dikenakan saman.

Malah, dia turut mendakwa motosikal yang ditunggangnya itu bukan miliknya dan dipinjam daripada seorang rakan.

Setelah diperiksa, polis mendapati motosikal jenis Yamaha 135 yang digunakan remaja itu adalah motosikal curi yang dilaporkan hilang di Temerloh, Pahang tahun ini.


Selain itu, nombor pendaftaran motosikal berkenaan juga palsu dan nombor itu didaftarkan di atas sebuah kereta Perodua MyVi.

Dalam operasi bersepadu yang bermula pada jam 11 malam di sekitar Dataran Merdeka itu, sebanyak 227 saman dikeluarkan kepada penunggang dan pembonceng motosikal atas pelbagai kesalahan.

Operasi yang berakhir jam 3 pagi itu turut menyita 24 motosikal kerana tidak mempunyai cukai jalan, cukai jalan tamat tempoh dan mengubah suai kenderaan tanpa kebenaran.

Selain itu, 26 penunggang motosikal berusia dalam lingkungan 18 sehingga 25 tahun turut ditahan.

Pegawai Operasi Cawangan Trafik



Remaja berusia 19 tahun ditahan selepas melarikan diri daripada sekatan jalan raya.

Kuala Lumpur, Deputi Superintendan Ng Fook Long berkata, operasi yang dijalankan bukan sahaja untuk membanteras kegiatan lumba haram, tetapi untuk menyedarkan orang ramai tentang keselamatan jalan raya.

"Kita dapati masih ramai penunggang dan pembonceng motosikal mengabaikan keselamatan ketika menunggang motosikal dan ini amat membahayakan nyawa mereka sendiri serta orang lain.

"Malah, ada penunggang motosikal di kalangan remaja sanggup membahayakan nyawa dengan melawan arus trafik bagi mengelak sekatan yang dijalankan," katanya.

Dalam operasi semalam, polis turut bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar

(JAS) bagi melakukan pemeriksaan bunyi ke atas motosikal yang mengeluarkan bunyi bising melebihi 95 dB (A).

Seramai 92 anggota dari Trafik Cawangan Kuala Lumpur, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Narkotik dan Bahagian Jenayah terlibat dalam operasi yang dijalankan.

"Kita dapati masih ramai penunggang dan pembonceng motosikal mengabaikan keselamatan ketika menunggang motosikal dan ini amat membahayakan nyawa mereka sendiri serta orang lain."

Ng Fook Long